Berita Bandaraya

# MBI

Boungainvillea City News

IPOH - BERSIH, HIJAU DAN MEMBANGUN

MAJLIS BANDARAYA IPOH



Bil 1/2011 Januari - Mac




## Ipoh Bandaraya Dalam Taman

### Menarik Di Dalam

Perjumpaan MB Bersama Warga MBI
MS 7

MBI Cipta Sejarah
MS 4

Program Local Agenda 21
MS 13

Diterbitkan Oleh : Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, 30450 Greentown, Ipoh Perak Darul Ridzuan
... 1550 HOTLINE MBI : 605 - 255 1515 Email: www.mbi.gov.my

# Suntikan Semangat YAB Menteri Besar Buat Warga MBI

Warga kerja MBI mendapat suntikan semangat daripada Menteri Besar, YAB Dato' Seri DiRaja Dr Zambry Abd Kadir untuk terus mempertingkatkan keazaman membangunkan Ipoh menjadi lebih dinamik, progresif, hijau dan bersih.



Suntikan semangat itu diberikan semasa majlis bertemu warga MBI bersama Menteri Besar di Stadium Indera Mulia pada 24 Januari.

Ketika berucap di hadapan lebih 2,500 warga MBI, Dato' Seri DiRaja Dr Zambry turut merakamkan penghargaannya terhadap peranan yang dimainkan MBI memakmurkan bandaraya Ipoh sehingga menjadi antara bandaraya yang terbaik di Malaysia.

Beliau mahukan usaha membangunkan Ipoh diteruskan tanpa mengabaikan aspek mengekalkan kebersihan, kehijauan dan alam sekitar.

"Berilah yang terbaik supaya Ipoh dapat terus membangun dan menjadi bandaraya yang sejahtera dan disenangi untuk didiami," katanya dengan sambutan gemuruh daripada warga MBI.

Menteri Besar turut mengingatkan warga MBI akan kepentingan konsep kerja berpasukan bagi memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan dengan sempurna.



Katanya MBI misalnya tidak akan dapat mengecapi kecemerlangan yang dicapai sekarang jika tiada kekuatan kerja berpasukan terutama kerjasama kuat daripada kakitangan dalam kategori pekerja am.

"Ipoh tidak akan membangun, bersih dan hijau jika hanya Datuk Bandar seorang sahaja bekerja. Kesemua ini datangnya daripada kakitangan terutama mereka





YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry menyampaikan Sijil Penghargaan kepada salah seorang anggota penguatkuasa MBI

dalam kategori pekerja am," kata Menteri Besar.

Dalam amanatnya itu, Dato' Seri DiRaja Dr Zambry turut menggariskan beberapa perkara utama yang perlu diberi tumpuan oleh MBI.

Antaranya adalah mewujudkan landskap Ipoh yang lebih menarik dengan mengutamakan konsep hijau yang cantik dan kemas buat tatapan pengunjung.

Dato' Seri DiRaja Dr Zambry turut mahu melihat bangunan-bangunan lama yang menjadi sebahagian daripada tarikan bagi Bandaraya Ipoh dipulihara dan dicantikkan.

Katanya kebanyakan bangunan-bangunan lama di tengah-tengah bandaraya Ipoh ketika ini berada dalam keadaan usang dan tidak dijaga sehingga membawa kepada fenomena 'sakit mata memandang'

"Ini merupakan cabaran kepada MBI. Saya mahu lihat Ipoh mempunyai satu tarikan unik lain daripada apa yang negeri lain ada. Kita tidak mahu Ipoh tiru apa yang ada di Melaka atau Pulau Pinang.

Dengan dikelilingi keindahan gunung batu kapur dan bangunan-bangunan lama, saya percaya Ipoh mampu jadi satu daya tarikan buat pelancong. Ketika ini pun kita tahu Ipoh amat terkenal di kalangan pelancong



dari China dan kita juga sudah mula lihat pelancong dari negara lain termasuk Eropah membanjiri bandaraya ini," katanya.

# MBI Cipta Sejarah
# Beri Bonus Kepada Anggota

Tahun 2011 mencatat sejarah apabila MBI buat julung kalinya membuat bayaran bonus RM500 kepada kira-kira 2,500 berikutan prestasi cemerlang yang dicapai majlis sejak 2008. Pembayaran bonus itu diumumkan oleh Menteri Besar, YAB Dato' Seri DiRaja Dr Zambry Abd Kadir semasa majlis perjumpaan bersama warga MBI di Stadium Indera Mulia pada 24 Januari. Pemberian bonus membabitkan perbelanjaan keseluruhan RM1.14 juta itu satu sejarah kerana MBI muncul sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di Malaysia yang memberi insentif berkenaan.

Langkah bayaran bonus itu dibuat berdasarkan prestasi cemerlang kutipan hasil MBI hingga berjaya memperoleh lebihan pendapatan terkumpul sebanyak RM7 juta sejak 2008.

"MBI menunjukkan pengukuhan apabila mempunyai rizab yang mampu menampung pentadbiran dan operasi agensi selama lima bulan. Saya kagum dengan prestasi cemerlang ini kerana sebelum tahun 2008, MBI pernah terpaksa berhutang dengan kerajaan negeri untuk membayar gaji kakitangan," kata Menteri Besar.

Justeru, beliau mahu PBT dan jabatan kerajaan lain mencontohi MBI dalam meningkatkan prestasi hasil.

Dato' Seri DiRaja Dr Zambry turut mengingatkan semua kakitangan kerajaan di negeri itu supaya tidak tersalah tafsir kerana tidak mendapat bonus berkenaan kerana mereka perlu memahami ia bukan bonus lazim diperoleh setiap tahun, sebaliknya bonus khas berdasarkan prestasi.

# WARGA MBI SYUKUR DAPAT BONUS



"Saya merasa amat lega apabila mendengar pengumuman bonus RM500, kerana ia merupakan pengiktirafan pihak atasan terhadap perkhidmatan kami kepada warga kota.

"Terima kasih saya ucapkan kepada Menteri Besar dan Datuk Bandar kerana begitu prihatin terhadap kebajikan kami warga MBI," kata Puad Abdul,44, Pengawas.



"Saya berasa syukur dapat merasai bonus RM500 tahun ini. Ini sedikit sebanyak dapat meringankan perbelanjaan keluarga. Ianya juga dapat menjadi penyuntik semangat kami warga MBI untuk bekerja lebih tekun dalam memberikan perkhidmatan kepada kepada warga Ipoh," kata Sahidah Daud, 51.



"Bangga menjadi sebahagian warga MBI. Pemberian ini diberikan kerana keupayaan kewangan MBI dan pada masa sama mengiktiraf warga kerja MBI atas komitmen kerja tinggi sehingga membawa prestasi baik.

"Saya gunakan duit bonus sebaik mungkin untuk perbelanjaan keluarga dan berharap pemberian bonus seumpama ini dapat diteruskan pada tahun depan," kata Khairul Anuar Adnan, 40.



"Saya merasa gembira kerana mendapat bonus pada tahun ini dan berharap pemberian bonus ini dapat diberikan oleh pihak pengurusan pada tahun depan.

"Pemberian bonus telah dapat meringankan beban perbelanjaan keluarga saya dan rakan-rakan yang berpendapatan kecil. Terima kasih kerana sentiasa menjaga kepentingan dan kebajikan kami," kata P. Jayamaran, 36.



"Ini pertama kali kami warga MBI mendapat bonus RM500, terima kasih. Kami berjanji akan bekerja lebih tekun dalam memastikan Bandaraya Ipoh terus bersih, indah dan membangun," kata P. Kutaya, 56.



"Saya merasa lega. Pemberian bonus amat membantu mengurangkan beban perbelanjaan keluarga terutama bagi kakitangan yang mempunyai ramai anak.

"Dengan pemberian bonus ini, kami akan memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga Ipoh dan juga berharap pihak atasan dapat memberikan bonus yang sama pada tahun depan," kata K.Subramaniam,32.

# IPOH SASAR SIFAR SAMPAH



Sebagai usaha merealisasikan Ipoh Bersih, MBI telah menetapkan sasaran sifar sampah menjelang Hari Bandaraya pada 27 Mei.

Sasaran ini diletakkan Datuk Bandar, Y Bhg Hj Dato' Roshidi Hashim berdasarkan komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh semua kakitangan MBI bagi menjayakan agenda kebersihan bandaraya, sepanjang 2011.

"Saya yakin sasaran ini dapat dicapai. Ini kerana aduan sampah yang kita terima telah berkurangan dengan ketara sekali sejak kebelakangan ini," katanya.

Menurut Datuk Bandar, aduan sampah pada suatu ketika dahulu merupakan aduan tertinggi dan sentiasa berada pada nombor satu jumlah aduan yang diterima.




"Kini aduan sampah telahpun turun kepada nombor enam," katanya.

MBI mempunyai kekuatan seramai 1,300 kakitangan yang melibatkan bahagian kebersihan bandar atau '*town service*' yang lebih dikenali sebagai kakitangan lapangan.

Bagi mengukuhkan kecekapan kakitangan lapangan, Datuk Bandar berkata, mulai 2011 pihak MBI telah menetapkan bahawa kakitangan yang ditugaskan untuk memotong rumput hanya akan melaksanakan tugas berkenaan sahaja tanpa perlu mencuci longkang seperti dahulu.

Katanya, tugas-tugas mencuci longkang ini akan diserahkan kepada pekerja lapangan berikutan pekerja-pekerja swasta tidak dapat melaksanakan tugas berkenaan dengan baik.

"Mereka ini adalah *frontliner* MBI dalam menentukan kebersihan di bandaraya ini," katanya.

# TIADA KOMPROMI UNTUK LONGGOKAN SAMPAH HARAM



Ahmad Zaiyadi Sudin
Penolong Pengarah Penguatkuasa MBI

Pelbagai langkah dilakukan MBI dalam usaha mengindah dan menceriakan bandaraya Ipoh, namun usaha itu masih tidak mencukupi apabila masih terdapat segelintir penduduk tidak bertanggungjawab membuang sampah merata-rata.

Kewujudan longgokan sampah-sampah haram membuktikan sikap lepas tangan dan mementingkan diri itu amat jelas apabila masih ada yang membuang sampah di pembuangan sampah haram walaupun papan tanda amaran diletakkan.

Masalah pembuangan sampah haram itu menyebabkan imej Bandaraya Ipoh tidak ceria, dan ia jelas mengambarkan kesedaran sivik yang masih kurang.

Menyedari peranan penting MBI, Penolong Pengarah Penguatkuasa MBI, Ahmad Zaiyadi Sudin berkata, yakin sasaran sifar longgokan sampah haram di Bandaraya Ipoh akan mencapai matlamatnya dengan langkah gerak kerja lebih terancang unit berkenaan.

Katanya setakat ini sudah terdapat penurunan kes-kes kegiatan pembuangan sampah haram dari 110,000 lokasi pembuangan sampah haram kepada 6,000 lokasi dan kini telah menurun kepada 350 lokasi.

"Saya yakin dengan langkah-langkah lebih tegas dan tidak berkompromi yang sedang diambil kita pasti dapat terus mengurangkan kegiatan ini kepada hanya 200 lokasi dalam masa terdekat.

"Kita sentiasa komited dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab untuk menjadikan Ipoh sebagai bandaraya bersih, hijau dan membangun dan apa yang kita harapkan masyarakat kota akan mengubah sikap dengan sentiasa membantu MBI memastikan sifar longgokan sampah haram ini mencapai matlamatnya," katanya.

Menurut Ahmad Zaiyadi, dalam usaha memerangi kegiatan pembuangan sampah haram ini secara habis-habisan, pihaknya sedang mengambil langkah memperbesarkan lagi unit Anti Liter sampah haram dengan menambah anggota penguatkuasa dari 11 anggota yang ada sekarang kepada 25 anggota.

"Penambahan anggota ini telah menghasilkan banyak tangkapan ke atas individu serta mengenakan kompaun bagi kesalahan membuang sampah haram," katanya.

Menurut beliau sejak Januari hingga Mac 2011, pihaknya telah mengenakan 199 kompaun antara RM250 and RM500 ke atas pesalah yang membuang sampah haram dengan nilai kompaun berjumlah RM47,000.

Kebanyakan kes kompoun dikenakan ke atas pemilik kenderaan yang ditangkap ketika membuang sampah di lokasi sampah haram.

Beliau berkata, kebanyakan sampah haram yang dilonggok dan dibuang berupa sampah bahan makanan, bahan binaan membaiki rumah, sampah kebun dan perabot lama.

Katanya, Bahagian Perkhidmatan Bandar pula bertanggungjawab membersihkan kawasan longgokan sampah haram sebelum mengangkut dan melupuskannya di kawasan tapak pelupusan sampah sarap di Bercham.



# MAJLIS PERJUMPAAN DATUK BANDAR BERSAMA WARGA MBI

Dianggarkan seramai 1,300 kakitangan lapangan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), menghadiri Majlis Perjumpaan Datuk Bandar Ipoh bersama dengan anggota-anggota lapangan MBI di Stadium Indera Mulia, semalam.

Majlis berkenaan dianjurkan bagi memberi penghargaan kepada kakitangan lapangan MBI yang selama ini bekerja keras bagi memastikan segala tugasan MBI berjalan lancar termasuk dalam menjayakan matlamat menjadikan Ipoh sebagai bandaraya yang bersih, hijau dan membangun.

Seramai lima kakitangan lapangan bertuah turut memenangi hadiah televisyen LCD, peti sejuk, mesin basuh dan ketuhar pada cabutan bertuah pada majlis berkenaan.

Pada majlis itu juga, Datuk Bandar, Dato' Roshidi Hashim turut memperkenalkan beberapa Pengarah Jabatan yang baru bagi melancarkan lagi segala matlamat dan perancangan MBI pada masa hadapan.



Dato' Roshidi berucap di hadapan lebih 1,000 anggota lapangan MBI pada majlis perjumpaan



Dato' Roshidi (barisan hadapan tiga kanan), bersama sebahagian Ahli Majlis MBI, menyanyikan lagu Negaraku pada permulaan majlis berkenaan



Dato' Roshidi menyampaikan cenderamata kepada seorang petugas am (T.S) MBI, Abdul Ghani Mat Noh



Dato' Roshidi (dua kanan), bersama pemenang cabutan bertuah pada majlis berkenaan



Dianggarkan 1,300 kakitangan lapangan MBI menghadiri majlis berkenaan



Sebahagian anggota lapangan MBI menyanyikan lagu MBI pada majlis berkenaan

# TINDAKAN TERHADAP PEMILIK BANGUNAN LAMA



Mengambil iktibar daripada kejadian bangunan runtuh di Fair Park dua tahun lalu, satu langkah proaktif telah diambil MBI bagi memastikan kejadian sama tidak berulang.

Bagi tujuan itu, MBI telah mengenalpasti 90 bangunan lama di sekitar Ipoh yang terbiar dan tidak diselenggara pemiliknya sehingga boleh menimbulkan ancaman keselamatan kepada orang awam.

Datuk Bandar, Y. Bhg Dato' Roshidi Hashim berkata bangunan itu dikenalpasti berdasarkan satu kajiselidik yang dijalankan MBI untuk memastikan keutuhan setiap bangunan lama yang ada di sekitar bandaraya.

Katanya 90 bangunan lama itu didapati tidak diselenggara pemiliknya dan juga tidak boleh diperbaiki lagi.

Bangunan itu merupakan sebahagian daripada 1,500 bangunan lama yang terdapat di sekitar Bandaraya Ipoh, katanya.

"Kebanyakkan pemilik bangunan ini sama ada tidak dapat dikesan dan jika dapat dikesan pula, pemilik berkenaan tidak mahu memberikan kerjasama dan tidak mampu untuk membayar kos-kos penyelengaraan.

"Oleh itu kita mengesa pemilik bangunan ini tampil ke hadapan bagi membincang proses pemulihan bangunan-bangunan tersebut," katanya.



Dato' Roshidi berkata pemilik yang mengabaikan amaran supaya menyelenggara premis berkenaan mungkin perlu membayar kos yang ditanggung untuk kerja meruntuhkan bangunan yang mengancam keselamatan awam.

Katanya langkah itu terpaksa diambil bagi memastikan sesuatu yang buruk tidak berlaku ke atas orang awam yang berada di sekitar kawasan bangunan lama.

"Sehingga April tahun ini sahaja sebanyak 69 notis telah dihantar kepada pemilik dan sepanjang tahun lepas kita telah menghantar sejumlah 440 notis. Namun amat mendukacitakan kerana tidak mendapat kerjasama baik daripada pemilik," katanya.

Bagi bangunan lama yang masih kukuh, MBI mengambil langkah menyerahkannya kepada Jabatan Khazanah Negara, Persatuan Arkitek Malaysia dan Persatuan Warisan Perak bagi mengenalpasti nilai bangunan lama tersebut, katanya.

Kebanyakkan bangunan itu dibina seawal 1900 dengan 25 daripadanya sudah dikenalpasti mempunyai nilai sejarah.

"Kita sudah memohon supaya bangunan ini digazetkan kerana ia berpotensi menjadi ikon untuk Bandaraya Ipoh," katanya.

Katanya permohonan ini dibuat selaras dengan hasrat kerajaan negeri yang mahu mempromosi Ipoh sebagai bandaraya warisan berikutan wujudnya banyak bangunan bersejarah.



# PINDAH PENTERNAK HARAM, ELAK IPOH DIGELAR "BANDARAYA KOBOI"

MBI telah mengenalpasti 33 penternak lembu dan kerbau haram yang terdapat di sekitar bandaraya Ipoh untuk dipindahkan ke kawasan penempatan baru di Pusing sebagai langkah membersihkan nama Ipoh daripada gelaran "Bandaraya Koboi".

Datuk Bandar, Y. Bhg Dato' Hj Roshidi Hashim berkata, sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan bagi memperhalusi cadangan tersebut yang akan dihantar kepada kerajaan negeri bagi kelulusan sebelum tindakan pemindahan dilaksanakan.

"Jawatankuasa ini juga turut bertanggungjawab memantau pergerakan para penternak lembu dan kerbau haram terbabit selain mengambil tindakan tegas ke atas pemilik yang didapati membiarkan haiwan ternakan mereka berkeliaran bebas di kawasan awam sehingga mengancam keselamatan orang ramai," katanya.



Katanya, setakat ini 14 penternak lembu dan kerbau haram telah diberi notis supaya mengosongkan tanah dan menghentikan penternakan mereka manakala baki 19 lagi akan menerima notis yang sama dalam masa terdekat ini.

"Tindakan tegas dan drastik ini terpaksa kita ambil memandangkan ramai penternak haram terbabit masih berdegil dan mengingkari arahan majlis dengan membiarkan haiwan ternakan mereka berkeliaran bebas di kawasan awam sehingga mengancam keselamatan orang ramai.

"Kawasan jalan raya dan perumahan sering menjadi tumpuan haiwan ternakan ini sehingga ia menimbulkan ancaman keselamatan dan kacau ganggu kepada orang awam," katanya.

Dato' Roshidi berkata, senario lembu dan kerbau berkeliaran bebas memasuki kawasan awam di sekitar bandaraya Ipoh ini sepatutnya sudah lama berlalu tetapi oleh kerana kedegilan penternaknya membiarkan haiwan berkenaan bergerak bebas tanpa sebarang kawalan menyebabkan imej Ipoh terjejas sehingga digelar bandaraya 'koboi'.

# IR. BADRUL - FOKUS PENGUATKUASAAN


Ir. Badrul

Dalam usaha memberikan perkhidmatan terbaik, pantas dan lebih efisien kepada warga kota, satu penstrukturkan semula carta organisasi telah dilakukan MBI bertujuan mencapai objektif penambahbaikan sistem pengurusan dan operasinya.

Penstrukturan ini melibatkan pergerakan pegawai-pegawai berjawatan penting bagi tujuan penambahbaikan sistem pengurusan dan operasi selain mengukuhkan lagi sistem penyampaian dan seterusnya dapat membawa kepada keberkesanan perkhidmatan MBI kepada warga Ipoh.

Penstrukturan semula ini menyaksikan pewujudan tiga jawatan baru peringkat pengurusan iaitu Timbalan Setiausaha Bandaraya yang telah diluluskan dalam mesyuarat penuh majlis baru-baru ini.

Tiga jawatan baru itu ialah Timbalan Setiausaha Bandaraya Operasi, Timbalan Setiausaha Bandaraya Perkhidmatan Bandar dan Timbalan Setiausaha Bandaraya Teknikal.

Buletin MBI telah mendapatkan pandangan Timbalan Setiausaha (Operasi), Haji Ir. Badrul Hisham Kamaruddin sempena 100 hari perlantikan beliau memegang jawatan tersebut bermula 1 Januari 2011.

Ir Badrul Hisham menyifatkan pewujudan tiga jawatan baru ini sebagai amat penting kerana ia dapat menyediakan perkhidmatan yang lebih berkesan dan pantas kepada warga Ipoh berbanding sebelum ini di mana kesemua operasi jabatan terletak di bawah Setiausaha Bandaraya.

"Dari segi prinsipnya di bawah penstrukturan baru ini pengurusannya adalah lebih baik."

Dulu semua jabatan berada di bawah Setiausaha Bandaraya yang boleh diibaratkan sebagai dinosaur, sukar bergerak dan terlampau besar tetapi apabila dipecah kepada tiga bahagian kecil ia kini lebih *flexible*, cepat dan amat berkesan," katanya.

Menurut Ir Badrul lagi, beliau amat tertarik sekali dengan kenyataan Ketua Setiausaha Negara (KSN) baru-baru ini yang menurut pemerhatian dan pemantauannya, penguatkuasaan di pihak berkuasa tempatan (PBT) adalah lemah.

"Saya berpendapat kenyataan KSN ada kebenarannya dan mengambil iktibar daripada kenyataan itu maka saya sebagai pegawai yang diamanahkan akan memastikan bahagian penguatkuasa majlis diperketatkan dan diperluaskan penguatkuasaannya," katanya.

Antara langkah memperketatkan penguatkuasaan tersebut adalah mengadakan rondaan lebih kerap, membuat penyitaan terutama terhadap pemilik-pemilik restoran yang gemar meletakkan kerusi meja dikaki-kaki lima, penangkapan haiwan yang berkeliaran bebas dan melancarkan `Ops Tom Yam' terhadap pemilik gerai di kawasan rizab jalan di sekitar bandaraya ini.

Ir Badrul juga menegaskan pihak majlis juga sedang dalam proses untuk mengambil tindakan menyenarai hitamkan pesalah-pesalah tegar yang meletakkan kenderaan tanpa menjelaskan kompaun.

"Kepada mereka ini kita memberi tempoh sebulan untuk menjelaskan bayaran kompaun dan sekiranya gagal berbuat demikian kita akan mengambil tindakan mengunci tayar kenderaan yang dikesan diletakkan di kawasan meletak kereta di sekitar bandaraya ini," katanya. Beliau menambah, tindakan drastik ini diambil bagi membolehkan majlis mendapatkan semula kutipan bayaran tunggakan daripada pesalah-pesalah tegar terbabit sekaligus mengurangkan kutipan tunggakan hasil.

"Tahun lepas sahaja dianggarkan hampir RM2 juta tidak dapat dikutip dan pada tahun ini dengan mempertingkatkan penguatkuasaan, kita berharap akan dapat mengutip semula tunggakan hasil berkenaan," katanya.

Mengenai `Ops Tom Yam', Ir Badrul berkata, beliau memandang serius isu ini kerana ia membabitkan pendatang asing yang bebas membina gerai-gerai tom yam haram di atas rizab jalan terutama di kawasan hujung bandaraya seperti di Chemor, Tambun dan Simpang Pulai.

Menurut beliau, setakat ini pihak majlis telah mengeluarkan notis arahan menghentikan perniagaan kepada lebih 100 pemilik gerai haram milik rakyat asing ini.

Katanya selepas 30 hari notis itu dikeluarkan sekiranya mereka masih enggan mematuhinya maka tindakan merobohkan gerai-gerai haram itu akan dijalankan.

"Majlis terlalu banyak menerima pengaduan tentang kehadiran warga asing yang menjalankan perniagaan tom yam ini daripada masyarakat setempat kerana selain menjejaskan perniagaan mereka, kewujudan gerai-gerai haram ini turut menimbulkan suasana pemandangan kotor, tidak bersih sehingga menjejaskan imej Bandaraya Ipoh sebagai bandaraya bersih," katanya.

Mengenai ternakan liar, beliau memberi amaran keras kepada 15 penternak kerbau, lembu dan kambing haram di sekitar bandaraya ini supaya sentiasa mengawal pergerakan ternakan mereka dengan lebih teratur agar tidak menceroboh ke dalam kawasan awam sehingga menggangu ketenteraman dan keselamatan awam.

"Banyak aduan yang kita terima daripada penghuni di kawasan-kawasan perumahan di kawasan Chemor, Buntong dan Jelapang di mana haiwan-haiwan liar ini bergerak bebas tanpa dikawal sehingga mengganggu ketenteraman serta keselamatan awam termasuk berlakunya kejadian kemalangan jalan raya," katanya.

Beliau menegaskan pihak majlis tidak akan bertolak ansur dalam perkara ini kerana ia membabitkan soal imej Bandaraya Ipoh sebagai bandaraya bersih indah dan membangun dan bukannya bergelar bandaraya koboi.

"Pemilik haiwan yang sengaja membiarkan ternakan mereka berkeliaran akan dikompaun RM250 selain dikehendaki menjelaskan bayaran kos penjagaan ternakan mereka semasa dalam tahanan sebanyak RM1,000,"katanya.

Ir Badrul juga berkata, pihak majlis kini sedang dalam proses untuk melelong ternakan haiwan yang tidak dituntut oleh pemiliknya dan sekiranya proses lelongan ini juga tidak berjaya maka langkah terakhir yang bakal diambil dengan menyembelih ternakan berkenaan.

"Kepada mereka ini kita ingatkan supaya segera datang menuntut ternakan mereka yang ditahan dengan menjelaskan bayaran kompaun serta kos penjagaan tahanan ternakan," katanya.

# DATUK BANDAR DI SANA SINI



Datuk Bandar, Y Bhg Dato' Roshidi Hashim mengumumkan nama pemenang hadiah cabutan bertuah bagi pembayar cukai taksiran.



Y. Bhg Dato' Roshidi merasmikan Taman Kanak-Kanak di Taman Cempaka.



Y. Bhg Dato' Roshidi melawat tapak projek MBI Terrace.



Y. Bhg Dato' Roshidi melawat Pasar Basah Tanjung Rambutan dalam lawatan kerja di Tanjung Rambutan.



Y. Bhg Dato' Roshidi bergambar bersama penaja dalam program menanam pokok di Padang Polo bersama HSBC.



Y. Bhg Dato' Roshidi menyampaikan cenderahati kepada Ketua Delegasi Chengdu sempena lawatan kerja ke Bandaraya Ipoh

# DATUK BANDAR DI SANA SINI



Datuk Bandar, Y. Bhg Dato' Roshidi Hashim melayan seorang kanak-kanak melukis di Taska MBI.



Y. Bhg Dato' Roshidi menerima memorandum daripada wakil penduduk Kampung Simee dalam salah satu program turun padang beliau.



Y. Bhg Dato' Roshidi menanam pokok hiasan di Padang Kanak-Kanak Taman Cempaka.



Y. Bhg Dato' Roshidi bergambar bersama pegawai MBI di majlis kenaikan pangkat.



Y. Bhg Dato' Roshidi hadir di majlis perasmian Menteri Besar bersama rakyat di program "Deme Tanya Pak Ngaht Jawab" di Dataran Bandaraya.



Y. Bhg Dato' Roshidi memotong reben sempena merasmikan perhentian bas baru untuk penduduk Tanjung Rambutan.

# Ahli Majlis Vijay Chandran `turun padang' tangani masalah rakyat



PENDEKATAN `turun padang' untuk mendekati, mendengar serta menyelesaikan permasalahan yang dihadapi rakyat seperti diamalkan oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Abdul Kadir, terus menjadi panduan utama Ahli Majlis MBI N. Vijay Chandran.

Bagi beliau, usaha yang dilakukan, perlu seiring dengan hasrat pemimpin negeri yang mahu agar semua pihak sentiasa memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Mewakili Zon 4 yang membabitkan kawasan Tanjung Rambutan, Bandar Baru Putera dan Bukit Khinding, Vijay Chandran sentiasa berusaha bertemu dengan penduduk setempat bagi menyelami permasalahan mereka untuk diketengahkan kepada pihak MBI bagi tindakan lanjut.

``Masalah longkang tersumbat menyebabkan banjir kilat, pembuangan sampah haram, keadaan rumput dan lalang yang tidak dipotong di kawasan awam sehingga menjejaskan pandangan merupakan isu-isu sering dibawa oleh penduduk di kawasan-kawasan perumahan yang saya wakili.

``Saya tidak pernah menghampakan mereka malah setiap aduan yang saya terima, akan terus disampaikan kepada Datuk Bandar supaya semua masalah dapat ditangani dengan segera.

``Dengan sikap dan teladan baik yang juga ditunjukkan Datuk Bandar Ipoh iaitu sentiasa mengambil berat terhadap permasalahan rakyat terutama warga Ipoh, menyakinkan saya bahawa wawasannya yang mahukan Bandaraya Ipoh sentiasa bersih, indah dan membangun dapat dicapai dengan cara terbaik," katanya ketika ditemui.

Menurut Vijay Chandran, selain isu-isu yang telah disebutkan tadi, masalah kemudahan asas masyarakat dan rakyat turut dibawa ke pengetahuan Datuk Bandar.

``Hasilnya, baru-baru ini sebuah perhentian bas telah dirasmikan untuk memberi kemudahan kepada orang-ramai di pekan Tanjung Rambutan.

``Sebelum ini, orang ramai terpaksa berdiri serta berpayung di tengah-tengah panas dan lebih teruk lagi ketika hujan, semata-mata untuk menunggu bas kerana ketiadaan tempat menunggu bas. Hari ini, mereka dapat menggunakan kemudahan dengan lebih selesa," katanya.

Dalam masa sama, masalah peniaga turut diketengahkan oleh Vijay Chandran sehingga kerajaan akhirnya bersetuju membina sebuah pasar baru menggantikan pasar lama yang telah uzur berikutan arus pembangunan pesat yang sedang dialami di pekan Tanjung Rambutan.

Pasar baru itu apabila siap kelak katanya, mampu menempatkan seramai 250 peniaga termasuk yang tidak berlesen yang selama ini berniaga di luar kawasan pasar lama.

Pihak kerajaan juga akan membina medan selera bersebelahan pasar baru yang menempatkan seramai 40 peniaga makanan untuk membolehkan penduduk di pekan Tanjung Rambutan menikmati sarapan pagi. Beliau meramalkan pekan itu akan bertukar wajah baru berikutan kewujudan sebuah kolej perubatan di Hospital Bahagia Tanjung Rambutan yang menempatkan 3,500 pelajar bagi setiap semesta selain mempunyai pegawai dan kakitangan berjumlah kira-kira 1,600 orang.

``Penduduk di kawasan ini juga bakal menikmati kemudahan sebuah perpustakaan awam dan sebuah stadium mini yang boleh menempatkan 1,000 orang tidak lama lagi apabila Ahli Parlimen Tambun, Dato' Seri Haji Husni Hanadzlah yang juga Menteri Kewangan II berjanji akan menyediakan kemudahan-kemudahan itu untuk rakyat," katanya.

Vijay Chandran berharap agar pelabur-pelabur tempatan mengambil peluang daripada pembangunan pesat yang berlaku di pekan Tanjung Rambutan seperti membina hotel-hotel untuk kemudahan penginapan kepada pelancong asing dan pelawat luar yang berkunjung ke pekan itu.

"Bayangkan dengan adanya kesemua kemudahan ini, kegiatan ekonomi penduduk setempat akan terus berkembang dan menjadikan pekan Tanjung Rambutan membangun dengan pesatnya setanding dengan bandar-bandar lain di negeri ini," katanya. Selain itu, beliau juga bercadang untuk membuka pusat khidmat MBI dalam masa terdekat bagi memudahkan masyarakat serta rakyat di Zon 4 yang diwakilinya mengemukakan permasalahan yang dihadapi mereka.

"Pusat khidmat ini apabila dibuka nanti akan memberi lebih faedah kepada pesara-pesara kerajaan dan swasta yang tidak mampu berulang alik ke MBI berikutan masalah kesihatan dan sebagainya," katanya.



# Program Local Agenda 21 Yang Dilaksanakan MBI




Sebagai salah satu Pihak Berkuasa Tempatan yang menyokong perlaksanaan Local Agenda 21 (L-A 21), MBI telah berjaya melaksanakan beberapa program yang memenuhi kehendak LA-21 sepanjang tahun 2010.

LA 21 merupakan satu program untuk masyarakat, sektor swasta dan PBT bekerjasama merancang dan mengurus kawasan persekitaran mereka ke arah pembangunan maman dan kualiti hidup yang lebih tinggi.

Antara acara-acara LA 21 yang telah dilaksanakan adalah Ekiden Run 2010 yang dianjurkan dengan kerjasama Rotary Club, majlis berbuka puasa bersama anak yatim piatu anjuran bersama Jawatankuasa Golf Bandaraya bersama operator hotel terkenal di Ipoh seperti Tower Regency, Impiana Casuarina dan Restoran Simpang Tiga.

Pada bulan Jun pula Ipoh Starwalk 2010 telah berlangsung, yang diadakan dengan kerjasama Persatuan Olahraga Amatur Perak, The Star dan Masterskill.

Dari segi infrastruktur pula, projek menaiktaraf infra laluan refleksologi padang Sultan Abdul Aziz yang merupakan inisiatif bersama Ipoh Rotary Club dan Parkson manakala bagi program kebudayaan pula satu Festival Tanglung telah diadakan dengan kerjasama Hospital Pantai Puteri, Perak Tourism Association, Kinta Heritage, Sunway, dan Lost World of Tambun.

adalah Ipoh International Run 2010 yang menyaksikan penyertaan pelbagai pihak swasta bagi menjayakan acara tahunan ini.

Ops Cerah iaitu program pencahayaan peringkat negeri yang dijayakan dengan Tenaga Nasional Berhad merupakan satu lagi inisiatif yang berjaya memberi impak positif kepada masyarakat.

Dalam usaha memberi khidmat kesihatan berkualiti pula, Klinik Komuniti Warga Ipoh diwujudkan dengan kerjasama Hospital Puteri.

Ipoh Heritage Walk yang dianjurkan dengan kerjasama Perak Tourist Association dan Kinta Heritage Group telah membantu memacu imej Bandaraya Ipoh sebagai bandaraya yang berjaya mengekalkan warisan di sebalik pembangunan pesat selaras dengan kehendak LA 21 yang pembangunan mampan di abad 21.

Bagi memenuhi keperluan rohani masyarakat, satu Forum Perdana Ehwal Islam 2010 telah diadakan dengan kerjasama RTM, dan Radio Perak FM.

Secara kesimpulannya, berdasarkan program-program yang dilaksanakan MBI telah berjaya memainkan peranannya sebagai fasilitator dalam menjayakan LA 21 ini dengan penekanan kepada peranan masyarakat setempat serta pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) untuk merealisasikanya.



# IPOH SEMAKIN DIBANJIRI PELANCONG



Mariana Abdul Hamid

Dengan pembangunan yang semakin rancak disertai dengan banyak perubahan berikutan usaha berterusan MBI ke arah usaha pengindahan dan penjagaan aspek kebersihan, Bandaraya Ipoh kini nyata menjadi tarikan pelancong dalam dan luar negara.

Selain daripada keindahan bandaraya, kemudahan pengangkutan keretapi ETS yang diperkenalkan sejak tahun lalu merupakan salah satu penyumbang terbesar kepada kedatangan pelancong yang semakin meningkat ke bandaraya ini.

Senario Ipoh dibanjiri pelancong ini diakui sendiri oleh pihak pengurusan hotel-hotel yang ada di sekitar bandaraya ini yang menurut mereka telah mengalami peningkatan daripada kadar penginapan bilik setiap hujung minggu.

Pengurus Bahagian Bilik Tower Regency Hotel & Apartments, Mariana Abdul Hamid berpendapat kemasukan pelawat dan pelancong asing ke negeri ini kian meningkat kerana wujudnya banyak kemudahan hotel dengan kadar sewa yang amat berpatutan.

Namun beliau berpendapat banyak lagi yang perlu dilakukan oleh pihak bertanggungjawab dalam mempromosikan lokasi-lokasi menarik kerana usaha yang dibuat setakat ini belum memuaskan dan tidak menyeluruh.

"Akibatnya ramai pelancong luar terutama pelancong dari Singapura, Australia, Afrika dan Eropah yang berkunjung ke Ipoh tidak tahu ke mana arah lokasi pelancongan menarik yang hendak mereka lawati.

"Keadaan ini berlaku kerana kurangnya usaha untuk mempromosikan lokasi-lokasi pelancongan menarik yang terdapat di sekitar Bandaraya Ipoh dan negeri ini seperti kekurangan risalah serta buletin panduan berkaitan lokasi destinasi pelancongan dan papan tanda besar mengenai gambar lokasi destinasi pelancongan terkenal," katanya.

Beliau mengambil contoh papan tanda besar di kawasan tol Simpang Pulai yang mana tiada usaha dibuat untuk memaparkan gambar besar tentang lokasi-lokasi destinasi menarik yang terdapat di Perak seperti Gua Tempurung, Gunung Lang, Kellie's Castle, Hutan Belum, Pangkor dan muzium bersejarah Pasir Salak.

"Apa yang berlaku terdapat terlalu banyak tulisan tentang iklan kolej, hala tuju jalan dan iklan perumahan menyebabkan pelancong luar yang masuk ke Ipoh melalui tol tidak dapat gambaran jelas tentang banyak tempat-tempat menarik yang terdapat di Ipoh.

"Bayangkan dalam masa 2 minit semasa kenderaan berhenti mereka hanya melihat banyak tulisan yang tiada kaitan langsung dengan lokasi-lokasi pelancongan menarik yang terdapat di Perak," katanya.

Beliau memuji pihak Pengurusan The Lost World of Tambun kerana sentiasa mengambil langkah pembaharuan dengan mempertingkatkan usaha mempromosikan produk pelancongan mereka sehinggakan ramai pelancong asing termasuk dari Singapura, Australia dan Eropah lebih mengenali The Lost World Of Tambun dari Gua Tempurung, Kellies Castle dan Hutan Belum.

Mariana turut mencadangkan supaya usaha menambah baikkan destinasi pelancongan sedia ada dipertingkatkan bagi menarik ramai pelancong untuk berkunjung ke kawasan berkenaan.

Sebagai contoh, katanya, ramai penginap Hotel Regency Tower yang terdiri daripada pelancong asing, gemar melawat Kellie's Castle tetapi selepas pulang ke hotel mereka memberi komen bahawa Kellie's Castle hanya berupa bangunan tinggalan lama dengan sejarahnya yang tersendiri dan tidak lebih dari itu.

"Kellie's Castle akan menjadi lebih menarik jika ada perkhidmatan bot persiaran menyusuri sungai untuk melihat keindahan alam sekitar di kawasan berhampiran bangunan bersejarah itu selain mewujudkan banyak gerai makanan istimewa seperti masakan Cina, Melayu dan India.

"Alangkah ruginya kita mempunyai banyak lokasi pelancongan menarik untuk dilawati pelancong asing tetapi tiada usaha dibuat bagi penambahbaikkannya," kata Mariana.

Mengenai kemasukkan pelancong yang datang menginap di hotel berkenaan, katanya, setiap bulan bilangan pelancong yang datang menginap mencecah 9,000 orang iaitu lebih kurang 75 peratus.

"Selalunya apabila tiba musim cuti sekolah terutama pada hujung minggu semua bilik hotel sudah penuh dan gambaran ini membuktikan Ipoh sekarang semakin dikunjungi ramai pelancong dan pelawat asing," katanya.

Menurut Mariana, Tower Regency Hotel mempunyai 204 bilik iaitu 94 bilik apartmen yang berkembar dan 110 bilik.

"Ramai pelancong gemar menginap di hotel ini kerana struktur bangunannya yang cantik dan indah selain kedudukan bilik hotelnya yang juga terletak bersebelahan dengan apartment," katanya.



Tower Regency Hotel

# DATUK BANDAR DEKATI PETUGAS MEDIA




Tahun 2011 menyaksikan satu lagi pendekatan baru diperkenalkan Datuk Bandar, Y. Bhg Dato' Hj Roshidi Hashim dalam memastikan hubungan dan kerjasama erat dengan petugas media.

Bagi mencapai hasrat itu, Dato' Roshidi mengambil pendekatan meluangkan masa beramah mesra dengan petugas media dengan mengadakan pertemuan sekurang-kurangnya tiga bulan sekali.

Pertemuan pertama adalah bersarapan bersama media pada 12 Januari dan diikuti oleh makan tengahari pada 23 Mei.

Menurut Dato' Roshidi beliau merancang untuk mengadakan sesi minum bersama media sebelum meraikan rakan media dalam satu majlis



Malam Media Massa yang dijangka diadakan pada bulan Oktober.

"Apa yang saya lakukan ini adalah untuk menghargai kerjasama, pandangan dan sokongan pihak media yang merupakan elemen yang banyak membantu saya menjalankan tugas.

Setiap maklumat dan teguran daripada pihak media juga banyak membantu saya dalam usaha memastikan MBI terus menjadi antara pihak berkuasa tempatan yang terbaik," katanya.

Menurutnya lagi beliau sentiasa menganggap media sebagai rakan untuk membantu membentuk dan mendidik masyarakat supaya menjadi warga kota yang lebih prihatin, bertanggungjawab dan mempunyai nilai murni dalam kehidupan seharian.

Katanya pendekatan yang diambil juga bertujuan mengeratkan lagi tali silaturahim di antara Datuk Bandar, warga MBI, serta Ahli Majlis dengan semua petugas media.

"Dengan hubungan yang erat dan baik ini, saya berharap ia dapat mengangkat imej positif MBI di mata masyarakat," katanya.

# KAMPUNG SUNGAI ROKAM DIPILIH JADI PERINTIS KAMPUNG TANPA SAMPAH

Kampung Sungai Rokam telah dipilih untuk menjadi perintis kepada usaha mewujudkan kampung tanpa sampah yang pertama di bandaraya ini.

Datuk Bandar, Y. Bhg Dato' Roshidi Hashim berkata usaha mewujudkan kampung tanpa sampah itu bertujuan mendidik masyarakat untuk mengekal dan menjaga kebersihan di kawasan persekitaran mereka.

Katanya idea kampung tanpa sampah itu tercetus berikutan kejayaan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu mewujudkan kampung tanpa sampah.

"Rombongan MBI telah melawat Kampung Cenderamata Dua iaitu kampung tanpa sampah pertama di Kota Kinabalu dan konsep itu didapati begitu berkesan. Kanak-kanak di sana pun tahu di mana dan bagaimana cara untuk melupuskan sampah dengan betul," katanya.

Dato' Roshidi berkata MBI bangga kerana usahanya memupuk amalan dan semangat cintakan kebersihan mendapat sokongan daripada CIMB Bank yang bersetuju menyumbang sebanyak RM50,000.

"Kita akan memperuntukkan RM30,000 kepada Kampung Sungai Rokam sebagai insentif sekiranya berjaya mencapai sasaran kampung tanpa sampah.

"Selebihnya sebanyak RM20,000 akan kita berikan kepada mana-mana sekolah yang berjaya menjadikan premis mereka sekolah tanpa sampah," katanya.

Beliau berharap kedua-dua pendekatan tersebut akan membawa perubahan besar kepada warga Ipoh keseluruhannya terhadap amalan dan tanggungjawab mereka menjaga kebersihan persekitaran.

"Saya nampak kedua-dua inisiatif ini akan dapat mendisiplinkan masyarakat kita dari peringkat awal terutama yang membabitkan pelajar sekolah. Harapan kita adalah sikap menjaga kebersihan ini akan terus dibawa mereka apabila berada di mana-mana sekaligus merealisasikan hasrat menjadikan Ipoh bandaraya terbersih," katanya.



**Penduduk Ikrar Beri Kerjasama**

Pemilihan untuk jadikan Kampung Sungai Rokam sebagai contoh kampung tanpa sampah telah disambut baik oleh penduduk.Sambil menyifatkan pemilihan itu sebagai satu pengiktirafan, lebih 1,300 penduduk berikrar memberi sokongan dan kerjasama bagi memastikan harapan MBI itu tercapai.

Malah mereka menyifatkan pengumuman itu sebagai satu pengiktirafan oleh Datuk Bandar dan pihak MBI terhadap Kampung Sungai Rokam yang selama ini memang dikenali sebagai sebuah perkampungan Melayu yang mana penduduknya sentiasa mengamalkan budaya bersih dan hidup dalam suasana aman damai.



Ketua Kampung Sungai Rokam, Haji Yahaya Zainuddin, 60, meluahkan rasa gembira beliau kerana kampung berkenaan dipilih oleh Datuk Bandar sebagai kampung pertama tanpa sampah.

"Kampung ini memang sudah dikenali sebagai perkampungan Melayu yang mana penduduknya sentiasa mengamalkan budaya bersih dan hidup dalam suasana aman damai.

"Pemilihan ini merupakan satu pengiktirafan dan kami berterima kasih kepada Datuk Bandar Ipoh dan pihak MBI yang sebelum ini banyak menyediakan kemudahan infrastruktur seperti pelebaran dan penurapan jalan-jalan selain membina benteng parit bagi mencegah banjir kilat," katanya.



Penduduk, Mohamed Abdullah, 55, melahirkan rasa terkejut dengan pemilihan itu namun merasakan ianya tepat berikutan penduduk di situ yang mana masing-masing menunjukkan sikap ambil berat terhadap aspek kebersihan persekitaran.

"Apa yang cuba dilakukan Datuk Bandar ini menunjukkan beliau benar-benar serius dalam menjadikan Ipoh bersih. Saya juga bangga kerana sudah tentu pemilihan ini dibuat berdasarkan tahap kebersihan yang sedia wujud di kampung ini.

"Apapun saya amat mengharapkan hasrat ini akan jadi kenyataan kerana ianya akan menaikan imej kampung ini," katanya.

Seorang lagi penduduk, Aisyah Abdul Karim, 48, sangat berharap Kampung Sungai Rokam akan berubah wajahnya kepada sebuah perkampungan Melayu yang lebih ceria dengan mempunyai kemudahan infra yang mencukupi untuk faedah dan kepentingan penduduknya.



"Tidak sabar saya menunggu hari pelancarannya dan berharap ia dapat disegerakan kerana kami penduduk kampung di sini merasa sungguh bertuah kampung kami dipilih menjadi kampung contoh pertama tanpa sampah.

"Kepada penduduk kampung juga saya berpesan agar bersama-samalah kita menjaga kebersihan kampung kita dan menjadikannya contoh serta teladan yang baik kepada lain-lain kampung di dalam bandaraya ini," katanya.

《怡保市政局行动组助理局长阿末再亚迪强调：怡保市政局将毫不犹疑采积极措施和行动杜绝胡乱堆积垃圾者及实践零垃圾目标。》

虽然市政局为了保持市容整洁及美观已经采取了多项措施杜绝胡乱抛弃垃圾的行动，但仍然有个别不负责任者没有遵守并继续四处乱丢垃圾。

尤有甚者，个别一些人甚至还在竖立了《不准乱丢垃圾，违者罚款>牌子的地方胡乱抛弃垃圾，这便显出仍有个别人将市容的整洁及美观置之不顾的自私和公民意识的行为。
怡保市政局行动组助理局长阿末再亚迪苏丁表示零堆积垃圾的行动将会更加积极在市政局范围内进行以实现零垃圾虫及零乱丢垃圾的目标。
他透露从采取积极措施开始至今，已经将原来有11万个非法堆积垃圾地点减至6千，最近才积极行动下，成功将之减至目前的只有350而已，并且将在目前这个不妥协行动计划下近期内把下一个目标锁定将之减至200个或以下。
他说：我们经常都对于要执行的工作目标都尽力去进行和达致，也希望我们的市民大众给予更加积极的合作态度已达到零垃圾虫的目标。
阿末再亚迪表示市政局为了打击即达到零乱丢垃圾目标，已经将原来的11人的《非法丢垃圾行动组》人员增加到25人，这项增加将会对违例者进行更多严厉打击和罚款。
他指出：自2011年开始的首三个月内，有关执法组已经发出199张介于250至500令吉，总额4万7千令吉的罚款，而大部分是那些驾车非法扔垃圾的触犯者。
他说：这些被捕而发传单罚款违例的垃圾，包括吃剩的食物，修理屋子的残坏物件以及一些破烂的家私等等。
他表示当局人员在将有关的乱丢垃圾载往巴占合法垃圾场处理后，也要把乱丢垃圾的地点加以清理以保持地方上的整洁和环境的卫生。

சட்டவிரோத கால்நடை வளர்ப்பாளர்களை இடம் மாற்றுவதன் மூலம்
ஈப்போ "கம்போங் நகரம்" என்று அழைக்கப்படுவதை தவிர்ப்போம்

ஈப்போ மாநகரைச் சுற்றி சட்டவிரோதமாக மாடு மற்றும் எருமை மாடு வளர்க்கும் 33 பேரை ஈப்போ மாநகர் மன்றம் அடையாளம் கண்டுள்ளது. ஈப்போ ஒரு "கம்போங் நகரம்" என்று அழைக்கப்படாமல் இருப்பதற்கான நடவடிக்கையாக புசிங் வட்டாரத்திலுள்ள புதிய இடத்திற்கு அவர்கள் இடமாற்றம் செய்யப்படவுள்ளனர்.

இத்திட்டம் குறித்து ஆராய்வதற்காக செயற்குழு ஒன்றை அமைத்திருப்பதாகவும், புதிய இடத்திற்கு மாற்றம் செய்வதற்கு முன்பு இக்குழுவின் பரிந்துரை மாநில அரசின் ஒப்புதலுக்கு அனுப்பப்படும் என்றும் டத்தோ பண்டார் டத்தோ ஹாஜி ரோஸ்டி ஹாஷிம் தெரிவித்தார்.

சம்பந்தப்பட்ட சட்டவிரோத மாடு மற்றும் எருமை மாடு வளர்ப்போரின் நடவடிக்கைகளைக் கண்காணிப்பதோடு, பொதுமக்களுக்கு ஆபத்தை விளைவிக்கும் வகையில் தங்களது கால்நடைகளைப் பொது இடங்களில் திரிய விடுபவர்கள் மீது கடுமையான நடவடிக்கை எடுக்கும் பொறுப்பையும் இந்த செயற்குழு பெற்றிருக்கும் என்றும் அவர் கூறினார்.

நிலத்தை காலி செய்வதோடு தங்களின் கால்நடை வளர்ப்பு நடவடிக்கையையும் நிறுத்தக் கோரி இதுவரை 14 சட்டவிரோத கால்நடைகள் வளர்ப்போர்களுக்கு நோட்டிஸ் வழங்கப்பட்டுள்ளதாகவும், பாக்கியுள்ள 19 பேர்களுக்கும் விரைவில் இதே போன்ற நோட்டிஸ்கள் வழங்கப்படும் என்று மேலும் அவர் சொன்னார்.

பெரும்பாலான சட்டவிரோத கால்நடைகள் வளர்ப்போர்கள் மாநகர் மன்றத்தின் கட்டளையை மீறுவதோடு, பொதுமக்களின் பாதுகாப்புக்கு மிரட்டலாக விளங்கும் வகையில் தங்களின் கால்நடைகளை பொது இடங்களில் திரிய விடுவதால், நாங்கள் இது போன்ற கண்டிப்பான அதிரடி நடவடிக்கையை எடுக்க வேண்டிய கட்டாயம் ஏற்பட்டுள்ளது

இக்கால்நடைகள் சாலை மற்றும் வீடமைப்புப் பகுதிகளில் அதிகமாக திரிவதால், அது பொதுமக்களின் பாதுகாப்புக்கு ஆபத்தாக உள்ளதோடு தொல்லையாகவும் இருக்கிறது என்று அவர் குறிப்பிட்டார்.

ஈப்போ வட்டாரத்திலுள்ள பொது இடங்களில் கால்நடைகள் சுதந்திரமாகத் திரியும் காட்சி எப்போதோ முடிவுக்கு வந்திருக்க வேண்டும். ஆனால் கால்நடை வளர்ப்பவர்களின் பிடிவாதத்தால் கால்நடைகள் கட்டுப்பாடின்றி திரிவதோடு, ஈப்போ மாநகருக்கு "கம்போங் நகரம்" என்ற அவப்பெயரையும் ஏற்படுத்தியுள்ளது என்று டத்தோ ரோஸ்டி தெரிவித்தார்.

# ECONOMIC ACTIVITY THRIVES THROUGH IPOH'S FRIENDLY RELATIONS WITH CHINESE CITIES



It was a turning point for Perak in general and Ipoh particularly, on June 16th last year, when the state government led by Chief Minister YAB Dato' Seri DiRaja Dr Zambry Abd Kadir headed a mission of officials and businessmen, for a friendship and cooperation visit to Chengdu.

Among those in the delegation was Y. Bhg Dato' Hj Roshidi Hashim who was not just representing Ipoh as its Mayor, but he was also there to play a vital role in generating the kind of interest that would mutually benefit both Ipoh and Chengdu.

According to Dato' Roshidi, it was indeed a very fruitful occasion as it turned out that a great deal of interest on Ipoh and Perak was shown by the city's business community, while the mission also opened doors for greater two-way tourism opportunities.

"In fact, we have just begun to scrape the tip of the iceberg with an inaugural investment from Ipoh to Chengdu, as a result of our trip to the city last year," he said.

Ipoh businessman, Mr Johnny Cheah, joined Mayor for the new trip to Chengdu on May 26, 2011, during which he had introduced, bottled oxygenated water from Malaysia.

During the trip, a Memorandum of Understanding was signed to formalise the production of the water in Chengdu, using Korean and Chinese technology.

Prior to this, following the establishment of friendship city status between Wenzhou and Ipoh, a great deal of interest from the people there was shown on Ipoh's famous "white" coffee.

The coffee was introduced there by the proprietors of Ipoh-based Oldbean (M) International Sdn Bhd, to the Chinese during a visit to Wenzhou last year.

That was also an important trip headed by Dato' Seri Dr Zambry and attended by Dato' Roshidi as well, which led to Ipoh and Wenzhou inked a friendship city agreement.

The result has started showing with Wenzhou, starting to import a full container of special coffee beans from Malaysia while Ipoh's Old Bean has opened two coffee retail outlets in that city.

It is expected that more economic activities will be generated following the council's move in establishing friendship city cooperation with Chengdu and Naning.

Another of Ipoh's international ties is with Ning Xia Province of northern China when it signed a sister city agreement on April 5.

Aware of the great opportunities that await tapping following the establishment of such important bilateral cooperation, Dato' Roshidi has been placing a lot of effort to generate the interest of the people and business community in these cities.

"Vast trade opportunities are awaiting our business community in the cities that we have ties with and likewise, we are also trying to get the business people from these cities to invest in Ipoh, with our selling point being on Ipoh's majority Chinese population, its cleanliness, good food and good infrastructure, and its stark physical similarities to Guilin in China," said Dato' Roshidi.

He foresees that the forging of ties between Ipoh and these cities is an important step for improving bilateral trade, in the setting up or improvement of industries and businesses, sharing of technology, and also in establishing cultural exchanges.

It would also attract more Chinese tourists from these regions to visit Ipoh, encourage students from China to further their higher education in Ipoh or other parts of Perak, as well as entice pensioners or the rich Chinese to choose Ipoh as their second home outside China.



Majlis Bandaraya Ipoh

# IPOH'S PRESTIGIOUS SUNWAY CITY



The air is fresh where the homes are, surrounded by pretty gardens and lakes, awesome limestone hills and there are even hot springs within the vicinity.

This place may be indeed sitting next to forested surroundings but it is not exactly out in the woods as there are shops, banks, restaurants and schools in the vicinity or within walking distance.

And there is a Giant hypermarket and a Drive-Through Mac Donalds nearby too.

To top it all, this dream residential area is just within the same location with an exciting water-theme park, which is none other than the Sunway Lagoon's Lost World of Tambun.

And who in Ipoh will not yearn to live here at Sunway City Ipoh, winner of the esteemed best Master Plan Award at the 2010 International Real Estate Federation (FIABCI) Malaysia Property Award.

To date, Sunway City has garnered a total of six awards from the prominent worldwide network for professionals in the property industry, with Sunway Pyramid receiving the honour for the second time.

The previous four awards were for World Class FIABCI International Prix d'Excellence 2002 Award (Leisure Category), conferred to Sunway Resort Hotel & Spa; FIABCI Award of Distinction for Best Hotel Development Award 2001, conferred to Sunway Resort Hotel & Spa; FIABCI Award of Distinction for Best Retail Development 2000, conferred to Sunway Pyramid Shopping Mall and Convention Centre and the FIABCI Award of Distinction for Best Leisure Development Award 1993, conferred to Sunway Lagoon Theme Park.



It is not surprising that Sunway City Ipoh emerged as winner of the Master Plan Category as it portrays a very successful and sustainable concept plan of building a township and housing estate development that caters to healthy lifestyle for the community.

Sunway City Ipoh, which is Perak's largest integrated township spanning 526ha, was judged on this category based on its financial considerations, partnerships with authorities, implementation, environmental impact and benefits to the community.

Sunway City Berhad Managing Director of Property Investment, Ngeow Voon Yean, in his reaction to the award said that the Group's continuous commitment towards Sunway City is creating livability as its top pursuit with the finest in retail and commercial; hospitality; leisure and education components.

Meanwhile, commenting on the success of Sunway City Ipoh in bagging the honour, Sunway City Berhad Managing Director of Property Development Division, Malaysia, Ho Hon Sang, had said that the group is on track towards continuously transforming itself from being a local property developer into an integrated global player in the property development industry.

He said the group also intends to continuously seek for breakthroughs with innovative concepts that exceed market expectations such as incepting the LOHAS (Lifestyles of Health and Sustainability) philosophy in its developments. Its ventures overseas are also being used to enrich local property market with the experiences gained from abroad.

And this can clearly be seen and experienced from the townhouses at the MontBleu Residence in Sunway City Ipoh where 220 units of three-storey townhouses surrounded by lush greenery with a 25ft wide backyard garden, fulfills the needs and desires of any discerning homeowners.

Priced from RM399,000 to RM682,400 each, the 4.45ha project is a gated and guarded community which successfully reflects the developer's 'Lifestyles of Health & Sustainability' philosophy which promotes green and sustainable development for a better quality of life.

# MBI Pertahan Kejuaraan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Perak Siri Ke - 2



Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) mempertahankan kejuaraannya dua tahun berturut-turut selepas muncul juara Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Seluruh Perak Siri Ke-2 yang berlangsung selama tiga hari di Kompleks Sukan Majlis Perbandaran Manjung bermula 1 hingga 3 April lalu.

Kontinjen sukan MBI yang diketuai wakil Ketua Kontinjen, Hajjah Saidatul Akma Jamaluddin telah menerima Piala Pusingan Juara Keseluruhan dan Piala Iringan yang disampaikan oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri DiRaja Dr Zambry Abdul Kadir.

Naib Juara pula dimenangi oleh Kontinjen sukan Majlis Perbandaran Taiping (MPT) manakala tempat ketiga oleh Kontinjen Majlis Perbandaran Teluk Intan.

Timbalan Ketua Kontinjen MBI, Zulkifle Jaafar Sidek berkata, Kontinjen MBI muncul juara dikejohanan sukan itu selepas menguasai enam dari lapan acara yang dipertandingan dengan mengutip lima mata penuh. Acara itu ialah bowling, karom, dart, badminton, pingpong dan bola jaring.

Katanya, kontinjen MBI bagaimanapun gagal menguasai acara sepak takraw dan bola sepak dan berharap akan dapat mempertingkatkan lagi komitmen anggota kontinjen untuk memenangi dalam kedua acara sukan itu pada kejohanan akan datang.

Kita sememangnya berazam untuk terus mempertahankan kejuaraan pada musim kejohanan akan datang dan berharap para anggota kontinjen datang dengan mempertingkatkan tahap kecergasan dan komitmen mereka kea rah mencapai matlamat itu," katanya.

Zulkifle berkata, beliau amat berpuashati dengan aksi serta persembahan baik yang ditunjukkan oleh para anggota kontinjen sepanjang kejohanan itu berjalan yang akhirnya membuahkan hasil pencapaian yang sungguh membanggakan.

Menurut beliau, Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Seluruh Perak Siri Ke-2 disertai 16 kontinjen sukan PBT seluruh Perak termasuk kontinjen SUK negeri Perak.

